

CHE AZHAR BIN CHE ABDULLAH

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
(PKINK) DALAM PEMBANGUNAN PERUMAHAN  
DI NEGERI KELANTAN

PKINK DALAM PEMBANGUNAN PERUMAHAN  
DI NEGERI KELANTAN

CHE AZHAR BIN CHE ABDULLAH

JABATAN PENGURUSAN HARTANAH  
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
I T M, SHAH ALAM  
1984/85

HD  
7289.5  
.C54  
1985

19  
0  
2  
8

KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN PENGURUSAN HARTANAH

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
(PKINK) DALAM PEMBANGUNAN PERUMAHAN  
DI NEGERI KELANTAN

Dissertasi ini di kemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat  
untuk penerimaan Diploma Lanjutan  
Pengurusan Hartanah

Di kemukakan oleh:

Che Azhar bin Che Abdullah  
Tahun Akademik 1984/1985  
Institut Teknologi MARA,  
Shah Alam,  
Selangor.

Buat :

Abah dan Ma .....

Jasa mu tetap ku kenang

Pengorbanan mu menjadi obor

Kasih mu sepanjang hayat.

Adik-adik ku .....

Belajar lah bersungguh-sungguh

Ilmu itu penyuluh hidup mu.

Aya .....

Dorongan dan semangat mu

Sentiasa bersama ku.

Teman-teman .....

Senda dan gurau mu

Menggembirakan aku.

## PENGANTAR

Perumahan sering di perkatakan oleh setiap masyarakat kerana pembekalannya ke dalam pasaran tidak dapat memenuhi kehendak masyarakat yang memerlukannya. Laporan Kajian Separuh Penggal RME menyatakan pencapaian pembinaan perumahan di peringkat nasional adalah kurang memuaskan atas sebab faktor permintaan dan penawaran. Adalah menjadi matlamat perumahan nasional untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi bagi semua rakyat di negara ini, terutama golongan berpendapatan rendah dengan kemudahan perumahan yang baik dan selesa. Kadar permintaan rendah di sebabkan oleh kemelesetan ekonomi, harga rumah dan kadar faedah yang tinggi. Penawarannya berkurangan oleh sebab kekurangan tapak bersesuaian dan kelewatan memperolehi kelulusan di samping sebab-sebab lain.

Matlamat perumahan nasional ini juga di jalankan di Negeri Kelantan di mana sebahagian besar projek perumahannya di laksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) di samping sektor awam dan swasta yang lain. Di dalam disertasi ini, penyentuhan akan dibuat tentang peranan PKINK dalam pembangunan perumahan di dalam menolong mencapai matlamat di atas.

Di dalam mendapatkan maklumat serta penyelidikan untuk penyediaan disertasi ini, kerjasama yang baik dan memuaskan hati telah di perolehi dari PKINK sendiri, JPN, Bahagian Perumahan Negeri, Jabatan Perangkaan, UPEN, Pejabat Tanah dan Galian, Majlis Perbandaran Kota Bharu serta Pejabat Perancang Bandar dan Desa Negeri Kelantan. Di samping itu, maklumat juga telah di perolehi daripada keratan-keratan akhbar dan majallah-majallah. Maklumat-maklumat yang terakhir tidak dapat di perolehi sepenuhnya kerana kebanyakan kertas-kertas kerja, laporan serta rekod-rekod adalah di sediakan semasa untuk membuat laporan bagi penyediaan Laporan Kajian Separuh Penggal RME yang telah di bentangkan pada penghujung Mac, 1984.

Hasil daripada kerjasama yang di berikan, dapatlah saya menyiapkan disertasi ini dan saya rakamkan kalungan penghargaan keatas setiap pihak berkenaan dengan ucapan "terima kasih daun keladi".

April, 1985.  
Institut Teknologi MARA.

Che Azhar bin Che Abdullah.

## ISI KANDUNGAN

### MUKA SURAT

PENGHARGAAN	..	..	i
PENGANTAR	..	..	ii
JADUAL ISI KANDUNGAN	..	..	iii
SENARAI JADUAL	..	..	ix
SENARAI RAJAH	..	..	x
SENARAI GAMBAR FOTO	..	..	xi
SENARAI HURUF RINGKAS	..	..	xiii
SINOPSIS	..	..	xiv

### BAB SATU - PKINK SECARA AM:

1.1	PENUBUHAN	1
1.2	FUNGSI DAN PERANAN PKINK	3
1.2.1	Menjayakan Dasar Ekonomi Baru	3
1.2.2	Penggerak dan Pemaju Pembangunan Negeri.	4
1.2.3	Perbadanan Sebagai Agensi Utama Negeri.	5
1.2.4	Menjayakan Perubahan Dasar Mengikut Pandangan Pemimpin Negara.	6

### BAB DUA - PKINK DALAM MATLAMAT PERUMAHAN NASIONAL:

2.1	PENDAHULUAN	9
2.2	PERANAN DAN PENGLIBATAN PKINK	12